



TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-49

Tarikh akhir laporan : 12 Februari 2021

(Maklumbalas dikemaskini sehingga : 16 Februari 2021 – 11.40 am)

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS TINDAKAN
1.	Minit 49.2	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>(a) Minit 48.5.1 (b) (iii) – Mesyuarat meminta supaya peneraju proses yang tidak memberi maklum balas status tindakan supaya melaksanakan tindakan penambahbaikan di peringkat PTJ masing-masing bagi memastikan petunjuk prestasi bagi pelan fungsian dan aras yang tidak mencapai sasaran pada pengukuran pertengahan tahun 2020 dapat dicapai semasa pengukuran penghujung tahun 2020.</p>	<p>TWP SPS, P. Pendaftar, P. Bursar, PKKSSAAS, PIU</p>	<p>KB PKP CQA: Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras PTJ adalah dipantau sepanjang tahun bagi semua PTJ termasuk PTJ yang tidak memberi maklum balas status tindakan seperti disenaraikan, dengan keperluan melaksanakan tindakan penambahbaikan di peringkat PTJ masing-masing.</p> <p>Status terkini pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras PTJ bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 adalah sebagaimana pada Laporan Agenda 6.a.ii.</p>

				<p><u>TWP P.BURSAR :</u> Melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meneroka sumber penjanaan baharu yang lebih realistik untuk mendapatkan pulangan yang lebih stabil. ii. Mengenalpasti instrumen pelaburan baharu yang memberi pulangan tinggi kepada UPM.
2.	Minit 49.2	<p><u>(b) Minit 48.5.1 (b) (iv)</u> – Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pusat Kesihatan Universiti bersetuju untuk menggunakan pengukuran berdasarkan indeks kepuasan pelanggan perkhidmatan pergigian bagi menggantikan petunjuk prestasi sebelum ini iaitu peratusan rawatan pergigian yang diselesaikan dalam tempoh 40 minit. Pelaksanaan pengukuran baharu ini akan dilaksanakan bermula Januari 2021 dengan penetapan sasaran 75%. Perincian penyataan perubahan petunjuk prestasi ini perlu dikemaskini dalam Sistem Pelaporan Pelan Fungsian dan Aras (eLPFA) dan akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada bulan Februari 2021.</p>	TWP PKU	<p>Perincian cadangan petunjuk prestasi berkaitan perkhidmatan pergigian bagi Pusat Kesihatan Universiti adalah sebagaimana pada Laporan Agenda 6.a.ii.</p>

3.	Minit 49.2	(c) <u>Minit 48.5.1 (b) (v)</u> – Mesyuarat mengambil maklum Pejabat Bursar bersama wakil Pejabat Naib Canselor dan Bahagian Audit Dalam telah meneliti semula dan bersetuju dengan cadangan pindaan untuk pengukuran petunjuk prestasi tahun 2020 iaitu “Pencapaian di dalam Laporan Audit Pengurusan Kewangan (IA) oleh Jabatan Audit Negara/Bahagian Audit Dalam Universiti” dengan penetapan sasaran 90% dan ke atas.	TWP P. Bursar	TWP P. BURSAR : Pindaan telah dibuat dalam Sistem e-LPFA dan pencapaian bagi Disember 2020 adalah 97.59%
4.	Minit 49.2	(d) <u>Minit 48.9 (c)</u> - Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung perkara berbangkit berkaitan klasifikasi fail UPM seperti berikut: i. Pejabat Pendaftar sedang membangunkan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Dokumen Rasmi di UPM untuk dijadikan panduan kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (Ketua PTJ) bagi mengawal dokumen rasmi di Universiti Putra Malaysia. ii. meminta supaya pengurusan rekod dan klasifikasi fail dilihat secara bersama dengan pengurusan dokumentasi bagi memantapkan lagi aspek pengurusan dokumen dan rekod UPM.	PRJU PRJU, PKD	Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Dokumen Rasmi telah dikeluarkan dan dihebahkan melalui info@upm pada 10 Februari 2021. Pihak CQA telah melaksanakan Taklimat Pengurusan Dokumentasi kepada semua TPKD UPM pada 4 Februari 2021 dan turut menjemput wakil PRJU daripada Pejabat Pendaftar bagi menjelaskan berkaitan klasifikasi fail mengikut keperluan Arkib Negara Malaysia. Semua TPKD juga

				diminta untuk sama-sama membantu PRJU PTJ untuk membuat semakan ke atas kod klasifikasi fail yang digunapakai di PTJ masing-masing-masing. Pemantauan bagi penggunaan kod klasifikasi fail terkini dalam prosedur akan dipantau secara berkala oleh pihak Urusetia Dokumen CQA.
5.	Minit 49.3	<p>Laporan Dokumentasi</p> <p>(d) turut mengambil maklum mengenai pemantauan status semakan dokumen ISO sekurang-kurangnya sekali bagi setiap lima (5) tahun sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001). Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 193 dokumen peneraju proses dengan tarikh kuatkuasa tahun 2016 hingga 2017 akan mula dipantau tindakan pengemaskiniannya oleh pihak CQA dan peneraju proses terlibat pada tahun 2021 bagi memastikan dokumen yang digunapakai masih lagi mencukupi dan relevan dengan pelaksanaan terkini. Bilangan dokumen yang terlibat mengikut skop dan kategori dokumen adalah sepertimana di Lampiran B.</p>	<p>PKD, TWP PP TNC, TNCAA, TNCPI, TNCHEPA, TNCJINM, SPS, P. PEND, P. BURSAR, PPPA, PKU, BKU, IDEC, CADe, CALC, FPV, PSAS, PIU</p>	<p><u>PKD UPM :</u> Pemantauan status pengemaskinian 193 dokumen belum pinda tahun 2016 - 2017 akan dibuat secara berkala sepanjang tahun 2021 sebagaimana perancangan yang dinyatakan pada Laporan Agenda 4.</p> <p><u>TWP PP PNC :</u> PSPK: Telah mengemaskini 6 prosedur, 1 arahan kerja, 3 garis panduan, 2 borang dan 4 senarai semak berdasar tarikh kuatkuasa tahun 2016 dan 2017.</p>

			<p>AD: Telah membuat pindaan/kemaskini dokumen ISO AD pada tahun 2020.</p> <p>PPKKP: Mengambil maklum terdapat dua(2) dokumen dibawah skop sokongan KKP yang terlibat dan pihak pemilik proses sedang menyemak secara terperinci dokumen berkenaan untuk CPD dalam tempoh terdekat.</p> <p><u>TWP PP TNCJINM :</u> Mesyuarat semakan dokumentasi ISO skop JINM telah diadakan pada 11 Februari 2021 dan bersetuju menetapkan tarikh kuatkuasa dokumentasi pada Jun 2021 berikutan akan berlaku beberapa perubahan dalam Pelan Strategik Skop JINM 2021-2025 yang diperakukan.</p> <p><u>TWP PP TNCPI :</u> Mengambil maklum, menyemak dan membuat penilaian semula bagi memastikan Borang Pengurusan Geran yang terakhir dikemaskini pada</p>
--	--	--	---

				<p>2016 dan borang Pembelian Aset Penyelidikan terakhir dikemaskini pada 2017, masih relevan untuk diguna pakai.</p> <p><u>TWP P. BURSAR :</u> Pej. Bursar dalam proses mengemaskini 12 dokumen (6 dokumen SOK dan 6 dokumen OPR) yang bertarikh kuatkuasa tahun 2016 hingga 2017.</p>
6.	Minit 49.4	<p>Laporan Audit (d) meminta peneraju/PTJ yang menerima OFI audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2020 supaya dapat memberi maklum balas tindakan OFI kepada pihak CQA selewat-lewatnya pada 29 Januari 2021, manakala bukti pelaksanaan tindakan OFI dihantar selewat-lewatnya pada 31 Mac 2021. Emel pemakluman mengenainya telah dihantar kepada peneraju/PTJ terlibat pada 16 Disember 2020.</p>	<p>TWP TNCAA, TNCPI, TNC JINM, SPS, P. BURSAR, IDEC, CQA, FHAS, FBMK, FS, FK, SPE, UPMKB, CADe, CALC, INTL, INTROP</p>	<p><u>PAD UPM :</u> Maklum balas telah diterima daripada FHAS, FK, SPE, P. Bursar, CALC, CQA, IDEC, INTL, INTROP, A. Sukan, TNCJINM, TNCPI dan FS.</p> <p>Manakala masih menunggu maklum balas daripada B. AKAD, SPS, CADe, FBMK, dan UPMKB dan diberi tempoh sehingga 26/2/2021.</p>

7.	Minit 49.4	(f) mencadangkan supaya bengkel penyelarasan tindakan OFI diadakan selepas maklum balas tindakan OFI SIRIM 2020 lengkap diterima daripada PTJ.	KB PKP, PAD	<u>KB PKP COA/PAD UPM :</u> Tindakan aturan sesi bengkel akan dilaksanakan sebagaimana cadangan pada minit.
8.	Minit 49.4	(g) meminta semua PTJ turut mengambil tindakan secara bersama bagi mana-mana OFI SIRIM yang berkaitan supaya penemuan yang sama tidak berulang di PTJ lain pada audit akan datang.	TWP PP, TWP PTJ	<u>PAD UPM :</u> Maklum balas tindakan OFI keseluruhan yang lengkap akan dikongsikan kepada semua PTJ untuk diambil tindakan oleh PTJ yang berkaitan pada mana-mana OFI yang disenaraikan.
9.	Minit 49.8	Laporan Latihan Universiti (e) meminta semua PTJ mengambil perhatian berhubung peratusan kehadiran latihan staf bukan akademik PTJ masing-masing bagi tahun 2020 dan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya masih terdapat pegawai yang belum mencukupi latihan sebagaimana statistik yang dinyatakan di Lampiran C.	TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan (rujuk Lampiran Minit - Laporan Latihan Universiti)	<u>PLS UPM :</u> Pencapaian kehadiran latihan staf UPM bagi tahun 2020 adalah sebanyak 93.73% (bukan akademik) staf mengikuti 3 hari latihan (18 mata CPD). Statistik pencapaian latihan secara terperinci seperti di <u>Lampiran 1.</u> Tindakan Pembedulan /Inisiatif Tahun 2021: • Mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang

				<p>berkonsepkan latihan pembelajaran sendiri</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memfokuskan kepada kelompok sasaran yang tidak cukup latihan seperti skim U, G, C dan N. • Membuat pemantauan bersama TPLS PTJ secara lebih dekat terhadap kelompok sasaran yang tidak tercapai. <p><u>TWP CQA :</u> Tindakan pemantauan telah dilaksanakan bagi status kecukupan minimum 3 hari latihan semua staf CQA dan mencapai sasaran 100%.</p> <p><u>TWP PP PNC :</u> PNC: 100%, memastikan staf dapat menghadiri kursus atau latihan secara online dan juga melalui pembelajaran sendiri.</p> <p>PSPK: 100% staf PSPK telah menghadiri latihan bagi tahun 2020.</p>
--	--	--	--	--

				<p>PPKKP: Bagi tahun 2020, 100% staf telah berjaya mengumpulkan sekurang-kurangnya 3 hari kehadiran latihan.</p> <p>AD: Semua pekerja telah melebihi 3 hari latihan pada tahun 2020.</p> <p>WAZAN: Laporan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan WAZAN yang akan datang. Tahap peratusan 90% pada tahun lepas disebabkan ada pegawai yang telah berpenen.</p> <p><u>TWP PP TNCJINM :</u> 100% staf telah menghadiri latihan sekurang-kurangnya 3 hari bagi tahun 2020.</p> <p><u>TWP PP TNCPI :</u> Semakan dan pemantauan yang lebih menyeluruh dilaksanakan kepada semua staf.</p>
--	--	--	--	--

<p>10.</p>	<p>Minit 49.9</p>	<p>Laporan Pengurusan Rekod Universiti (c) Mesyuarat meminta supaya PTJ menyemak dan mengemaskini kod klasifikasi fail PTJ selaras dengan penambahan kod klasifikasi fail baharu yang dikemaskini pada 15 Disember 2020 (sekiranya berkaitan). Perincian mengenai kod klasifikasi fail terkini boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Pejabat Pendaftar, UPM.</p>	<p>TWP PP, TWP PTJ</p>	<p><u>TWP CQA :</u> Tindakan semakan, pengemaskinian dan pelarasan peringkat PTJ telah dilaksanakan secara bersama PRJ CQA dan staf CQA.</p> <p><u>TWP PP PNC:</u> PNC: Taklimat pengurusan rekod dan klasifikasi fail PTJ telah diadakan pada 17/12/2020 kepada semua staf, perbincangan rekod pada 5 & 15 Januari 2021 bersama semua pegawai (P&P). Pelarasan klasifikasi fail telah dibuat dan permohonan kod klasifikasi fail baharu akan dihantar kepada Pej. Pendaftar pada 9 Februari 2021 dengan merujuk kepada senarai klasifikasi fail yang telah dikemaskini oleh Pej. Pendaftar pada Disember 2020.</p> <p>PSPK: Menggunakan kod klasifikasi fail yang dikemaskini.</p>
-------------------	--------------------------	---	-----------------------------------	---

			<p>PPKKP: mengambil maklum pindaan terkini kod klasifikasi fail (15 Dis.2020) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar. Pihak PPKKP akan meminda kod klasifikasi secara berperingkat dan urusan pengurusan rekod ini akan diselaras semula apabila mendapat Pegawai Tadbir yang baharu (menggantikan pegawai yang telah bersara).</p> <p>AD: Klasifikasi fail terkini telah dikemaskini dalam rekod, hanya tinggal tukar label pada fail fizikal. Jangkaan siap 31 Januari 2021.</p> <p>WAZAN: Perbincangan bersama pegawai Pejabat Pendaftar telah diadakan pada 12/1/2020 di Pejabat WAZAN. Permohonan penambahan kod klasifikasi fail telah dimajukan.</p> <p><u>TWP PP TNCPI:</u> Tindakan penyelarasan sedang dilaksanakan.</p>
--	--	--	---

<p>11.</p>	<p>Minit 49.10.1</p>	<p>Hal-hal Lain - Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2021 (c) meminta supaya tarikh-tarikh penting aktiviti kualiti perkhidmatan UPM Tahun 2021 dihebahkan kepada semua pekerja di PTJ.</p>	<p>TWP PP, TWP PTJ</p>	<p><u>TWP CQA :</u> Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2021 telah turut dibentangkan pada Mesyuarat Pegawai Kanan UPM Kali ke-120 pada 21 Januari 2021 untuk dipanjangkan hebahan ke peringkat PTJ.</p> <p><u>TWP PP PNC:</u> PNC: Hebahan telah dibuat melalui emel kepada semua staf.</p> <p>PSPK: Hebahan telah dibuat melalui Mesyuarat Pengurusan PSPK kali ke 64</p> <p>PPKKP: telah dimaklumkan kepada semua staf PPKKP melalui emel 19 Januari 2021 oleh Ketua Seksyen Pentadbiran dan Kualiti</p> <p>AD: Tarikh aktiviti telah dibentangkan pada Mesyuarat Bahagian Audit Dalam Bil.1/2021</p>
-------------------	---------------------------------	---	-------------------------------	---

				<p>WAZAN: Memo edaran melalui emel telah diedakan kepada semua staf pada 29/1/2020.</p> <p>TWP PP TNCPI : Mengambil maklum berkaitan takwim aktiviti kualiti dan melaksanakan hebahan kepada semua staf bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan berkaitan dapat direalisasikan.</p>
12.	Minit 49.10.2	<p>Hal-hal Lain - Makluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko UPM</p> <p>(b) Mesyuarat turut mengambil maklum semakan semula risiko akan dilaksana mengambilkira teguran pihak SIRIM berhubung bilangan isu dan bilangan risiko yang tidak semestinya sama.</p>	Sekretariat JK Kerja Pengurusan Risiko UPM	Satu sesi bengkel semakan semula akan diadakan dalam masa terdekat selaras dengan semakan semula Buku Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM.
13.	Minit 49.10.2	<p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian mengenai cadangan untuk mengadakan latihan kesedaran pengurusan risiko kepada semua PTJ bagi menjelaskan lagi berhubung pengurusan risiko universiti.</p>	Sekretariat JK Kerja Pengurusan Risiko UPM	Cadangan tarikh latihan adalah pada 24 Februari 2021 (Rabu).

LAMPIRAN 1- Perkara Bil.9 [Tindakan Susulan Minit 49.8]

STATISTIK PENCAPAIAN 18 MATA CPD LATIHAN STAF UPM 2020

Kumpulan	Jumlah Keseluruhan Anggota	Jumlah Anggota Aktif**	Kursus Pendek					
			Bilangan Anggota Yang Hadir >= 3 Hari Setahun	%	Bilangan Anggota Yang Hadir < 3 Hari Setahun	%	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus	%
JUSA	3	2	<u>2</u>	100.0	<u>0</u>	0.0	<u>0</u>	0.0
Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)	961	841	<u>818</u>	97.27	<u>22</u>	2.62	<u>1</u>	0.12
Pelaksana 1	1451	1254	<u>1180</u>	94.1	<u>68</u>	5.42	<u>6</u>	0.48
Pelaksana 2	1821	1653	<u>1515</u>	91.65	<u>134</u>	8.11	<u>4</u>	0.24
Jumlah	4236	3750	3515	93.73	224	5.97	11	0.29

Tarikh/Masa Kemaskini : 06/01/2021:11:01:59

****Jumlah Staf TIDAK termasuk :-**

- 1. Staf berjawatan Tutor**
- 2. Staf yang sedang Cuti Belajar/ Cuti Separuh Gaji/ Cuti Tanpa Gaji/ Cuti Subspeciality/ Cuti Sabatikal**
- 3. Staf lantikan baharu yang berkhidmat kurang daripada 6 bulan**
- 4. Staf yang dipinjam keluar**
- 5. Staf di bawah Skim Perkhidmatan Dalam Akademik UPM (TBK)**
- 6. Staf berjawatan Sambilan**
- 7. Staf yang tamat Cuti Belajar kurang daripada 6 bulan**
- 8. Staf yang akan bersara dalam tempoh 1 tahun dari tahun semasa**
- 9. Staf berjawatan Pegawai Eksekutif**
- 10. Staf yang mempunyai Nombor Staf bermula dengan 'KL'**